

# KEJOHANAN RAGBI PERINGKAT TUDM



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4522-kejohanan-ragbi-peringkat-tudm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4522-kejohanan-ragbi-peringkat-tudm)

BUTTERWORTH, 14 Feb 19 - Pangkalan Udara

Butterworth telah dipilih menjadi hos penganjuran Kejohanan Ragbi 10 sepasukan antara Pangkalan TUDM. Kejohanan ini telah diadakan selama 2 hari bermula 12 hingga 13 Feb 19 yang melibatkan sebanyak 11 pasukan yang mengambil bahagian.

Majlis penutup serta penyampaian hadiah kejohanan tersebut telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan Udara Butterworth, Brig Jen Amer Mahmud bin Abd Rahman TUDM. Turut hadir Pengurus Persatuan Ragbi TUDM, Kol Mohamad Shuaire bin Abdullah TUDM.

Kejohanan Ragbi Antara Pangkalan TUDM telah dipertandingkan dalam 3 kategori iaitu kategori CUP, kategori Plate dan kategori Bowl. Pangkalan Udara Butterworth telah dinobatkan sebagai juara bagi kategori CUP dan kategori Bowl pada tahun ini dan kategori Palte di sandang oleh pasukan Pangkalan Udara Labuan. Permain terbaik kejohanan iaitu LUK Muhammad Asyraf b. Anas dari PU Butterworth.



